

**SEJARAH PENTADBIRAN PENGIRAN ABDUL RAUF  
PENGIRAN ABDUL RAJIT KE ATAS SUNGAI TULIN  
DI BORNEO UTARA, 1822-1898**

**FATMAH BINTI SIDEK**



PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN  
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2018**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL: **SEJARAH PENTADBIRAN PENGIRAN ABDUL RAUF PENGIRAN ABDUL RAJIT KE ATAS SUNGAI TULIN DI BORNEO UTARA, 1822-1898**

IJAZAH: **SARJANA SASTERA (SEJARAH)**

Saya **FATMAH BINTI SIDEK**, Sesi **2013-2018**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Disahkan Oleh,

**NURULAIN BINTI ISMAIL**

**PUSTAKAWAN KANAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

(Tandatangan Pustakawan)

**FATMAH BINTI SIDEK  
MA1311008T**

(Prof. Madya Dr. Bilcher Bala)

Penyelia

**PROF. MADYA DR. BILCHER BALA**

Program Sejarah


Fakulti Kemanusiaan, Seni Dan Warisan, UMS

Tarikh : 28 September 2018

## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

25 Ogos 2018



Patmah binti Sidek  
MA1311008T



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PENGESAHAN

NAMA : **FATMAH BINTI SIDEK**  
NO. MATRIK : **MA1311008T**  
TAJUK : **SEJARAH PENTADBIRAN PENGIRAN ABDUL RAUF  
PENGIRAN ABDUL RAJIT KE ATAS SUNGAI TULIN DI  
BORNEO UTARA, 1822-1898**  
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SEJARAH)**  
TARIKH VIVA : **18 OGOS 2018**



**PENYELIA**  
Prof. Madya Dr. Bilcher Bala

**DISAHKAN OLEH;**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

**PROF. MADYA DR. BILCHER BALA**  
Program Sejarah

Fakulti Kemanusiaan, Seni Dan Warisan, UMS

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum W.B.T. Segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T, selawat dan salam ke atas junjungan, Nabi Muhammad S.A.W., para kerabat dan sahabat baginda Rasulullah. Dengan izin, rahmat dan hidayah-Nya, yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang, pengkaji telah dapat menyempurnakan tesis ini. Pengkaji ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama, Prof. Madya Dr. Bilcher Bala yang telah memberi bimbingan, tunjuk ajar, idea, pandangan, kritikan membina dan perhatian penuh yang amat bernilai dan bermakna sepanjang proses penyeliaan tesis ini.

Penghargaan dan junjung kasih ini juga didedikasikan kepada semua pensyarah Program Sejarah, Universiti Malaysia Sabah, atas ilmu dan bimbingan yang dicurahkan kepada pengkaji. Juga kepada setiap institusi yang telah menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi mendapatkan bahan rujukan yang diperlukan, terutamanya semua kakitangan Arkib Negeri Sabah; kakitangan Jabatan Pusat Sejarah Brunei, Negara Brunei Darussalam; kakitangan Pusat penyelidikan Borneo Tun Fuad Stephen, Yayasan Sabah; kakitangan Perpustakaan Awam Negeri Sabah; kakitangan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah; kakitangan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, dan lain-lain institusi mahupun agensi kerajaan yang turut memberi kerjasama dalam menjayakan penulisan tesis ini. Tidak lupa juga kepada para kerabat almarhum Pengiran Pemanca Harimau Muhammad Daud; kerabat almarhum Pengiran Syahbandar Muhammad Salleh (Syair Rakis); kerabat almarhum Sultan Abdul Hakul Mubin; dan kerabat almarhum Sultan Muhammad Kanzul Alam di Negara Brunei Darussalam yang sudi menjadi informen untuk menjayakan sesi temubual. Begitu juga semua informen yang mempunyai hubungan kekerabatan dengan Pengiran Abdul Rauf di seluruh Negeri Sabah yang sudi ditemubual. Junjung kasih dan hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas budi dan jasa kalian.

Penghargaan tiada tolok banding buat suami tercinta, Encik Mohd Zamani Bin Abdul Moris dan anak-anak yang dikasehi, Mohd Haziq, Nur Afiqa Fatihah, Aimi Khairuneisa dan Aila Hanna Khalisa, yang sentiasa berkorban, tenang bersama di saat suka dan duka pengkaji mengharungi cabaran menyempurnakan tesis ini. Begitu juga, penghargaan buat ayah dan bonda tersayang, almarhum Datuk Haji Sidek Bin Danta dan Datin Hajjah Jamilah Binti Harsad, ahli keluarga yang sudi berkongsi ilmu dan idea terutamanya, Encik Abdul Razak Bin Datuk Haji Sidek dan Encik Zainal Abidin Bin Datuk Haji Sidek. Dorongan kalian adalah pembakar semangat menyiapkan tesis ini. Juga ucapan buat semua rakan terlibat dalam penulisan tesis ini, semoga Allah S.W.T memberkati kehidupan kalian, sentiasa dalam perlindungan, redha dan rahmat-Nya jua.

Akhir sekali, sesungguhnya kajian ini tidak terlepas daripada kelemahan yang tidak disengajakan. Oleh itu, dengan rendah hati, pengkaji memohon teguran yang membina dan nasihat yang ikhlas untuk dimanfaatkan di masa hadapan. Semoga tesis ini mendapat redha Allah S.W.T, dan sumber ilmu pengetahuan yang dapat dimanfaatkan. In Sha Allah. Sekian, terima kasih.

Fatmah binti Sidek  
25 Ogos 2018

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan suatu penyelidikan mengenai sistem pentadbiran wilayah Tulin di Borneo Utara pada abad ke-19. Tumpuan diberi ke atas pemilikan hak wilayah Tulin Pengiran Abdul Rauf, selaku seorang penguasa dalam kerangka sistem pemerintahan dan pentadbiran tradisional Kesultanan Melayu Brunei di Borneo Utara (1822-1898). Latar belakang Pengiran Abdul Rauf dan pentadbiran wilayah Tulinnya akan dibincangkan termasuklah latar belakang sosioekonomi penduduk wilayah Tulin Pengiran Abdul Rauf. Kajian juga akan menerangkan tentang proses kejatuhan wilayah Tulin Pengiran Abdul Rauf kepada *British North Borneo (Chartered) Company* (SBUB) dan kewujudan wilayah Karambunai. Kajian akan berpandukan penyelidikan sumber primer seperti koleksi di Arkib Negeri Sabah, salasilah keturunan Pengiran Abdul Rauf dan dokumen surat perjanjian di Pusat Sejarah Brunei serta koleksi peribadi kepunyaan keturunan Pengiran Abdul Rauf di negeri Sabah. Kaedah temu bual juga dilakukan bagi mendapatkan maklumat tentang latar belakang Pengiran Abdul Rauf dan wilayah Tulin kepunyaannya di Borneo Utara. Hasil kajian ini akan dapat menambah koleksi pengetahuan tentang sistem pemerintahan dan pentadbiran wilayah jajahan tradisional Kesultanan Melayu Brunei sebelum berlakunya penjajahan British di Borneo Utara pada lewat abad ke-19.




UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ABSTRACT**

### ***THE ADMINISTRATION HISTORY OF PENGIRAN ABDUL RAUF PENGIRAN ABDUL RAJIT ON SUNGAI TULIN IN NORTH BORNEO, 1822-1898***

*This study is about the Tulin's administrative system in North Borneo in the 19th century. The focus was on the ownership of Tulin Pengiran Abdul Rauf's territory, as a ruler in the government system and the traditional administration of the Sultanate of Brunei in North Borneo (1822-1898). The background of Pengiran Abdul Rauf and his Tulin area administration will be discussed including the socio-economic background of Tulin Pengiran Abdul Rauf residents. The study also explains the process of the fall of the Tulin Pengiran Abdul Rauf area to British North Borneo (Chartered) Company (SBUB) and the existence of the Karambunai region. The study will be based on primary sources of research such as the collection at the Sabah State Archives, the descendants of Pengiran Abdul Rauf and the documentation of the agreement at the Brunei History Center as well as the personal collection belongs to Pengiran Abdul Rauf's descendants in Sabah. The interviews were also conducted to obtain information on the background of Pengiran Abdul Rauf and his Tulin area in North Borneo. The results of this study will add onto the collection of knowledge on the administration system and the administration of the traditional colonies of the Sultanate of Brunei before the British colonialism in North Borneo in the late 19th century.*



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI FOTO</b>	xiii
<b>SENARAI PETA</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	7
1.5 Sorotan Literatur	8
1.6 Skop Kajian	29
1.7 Kaedah kajian	30
1.8 Pembahagian Kajian	32
1.9 Kesimpulan	34
<b>BAB 2: LATAR BELAKANG PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN KERAJAAN TRADISIONAL KESULTANAN MELAYU BRUNEI</b>	
2.1 Pengenalan	35
2.2 Pemerintahan dan Pentadbiran Kerajaan Tradisional Kesultanan Melayu Brunei Pada Abad Ke-19	36



2.3	Konsep Politik Sistem Pemerintahan Melayu Islam Beraja (MIB) Kesultanan Melayu Brunei	46
2.4	Struktur dan Jentera Pentadbiran Kerajaan Kesultanan Melayu Brunei dan Fungsinya	55
2.5	Konsep Pemilikan dan Struktur Pentadbiran Wilayah Kesultanan Melayu Brunei	62
2.6	Latar Belakang Pemerintahan dan Pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei di Borneo Utara Abad Ke-19	73
2.6.1	Wilayah Sungai Kerajaan, Sungai Kuripan dan Sungai Tulin	76
2.7	Hubungan Diplomatik dan Pengaruh Kuasa Barat dalam Pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei Abad Ke-19	82
2.7.1	Perjanjian British-Belanda (1824)	84
2.7.2	Kedatangan James Brooke Ke Sarawak	85
2.7.3	Pembunuhan Raja Muda Hashim (1846)	87
2.8	Kesimpulan	91

### **BAB 3: PENGIRAN ABDUL RAUF DAN WILAYAH TULIN DI BORNEO UTARA**

3.1	Pengenalan	93
3.2	Latar Belakang Pengiran Abdul Rauf	95
3.3	Salasilah Pengiran Abdul Rauf	99
3.4	Asal Usul Pemilikan Tulin Pengiran Abdul Rauf	116
3.5	Hubungan Kerajaan Pusat Brunei Dengan Tulin Pengiran Abdul Rauf	124
3.5.1	Hubungan Politik	125
3.5.2	Hubungan Sosioekonomi	132
3.6	Campur Tangan Kuasa Barat di Borneo Utara	136
3.6.1	Perjanjian Persahabatan dan Perdagangan British-Brunei (1847)	140
3.7	Kemangkatan Pengiran Abdul Rauf	144
3.7.1	Perang Kawang (1885)	148
3.8	Kesimpulan	154

**BAB 4: SOSIOEKONOMI DAN PENTADBIRAN TULIN  
PENGIRAN ABDUL RAUF DI BORNEO UTARA**

4.1	Pengenalan	155
4.2	Sosioekonomi Penduduk Tulin Pengiran Abdul Rauf	156
4.2.1	Sosioekonomi Bajausama	157
4.2.2	Sosioekonomi Melayu Berunai	164
4.2.3	Sosioekonomi Kadazandusun	169
4.2.4	Sosioekonomi Irranun	171
4.2.5	Sosioekonomi Suluk	174
4.3	Pentadbiran Tulin Pengiran Abdul Rauf	176
4.3.1	Fasa Pertama Sebelum Perjanjian Penyerahan Konsesi Borneo Utara 1877(1800-1877)	177
(a)	Perjanjian Pajakan Dan Penyerahan Konsesi Borneo Utara Tahun 1877-1878	188
(b)	Pengiran Temenggung Abdul Momin Amirul Faza di Mengkabong	194
4.3.2	Fasa Kedua Selepas Perjanjian Pajakan Dan Penyerahan Konsesi Borneo Utara Tahun 1877 sehingga Kemangkatan Pengiran Abdul Rauf (1877-1885)	200
4.3.3	Fasa Ketiga Selepas Kemangkatan Pengiran Abdul Rauf Tahun 1885 Sehingga Perjanjian Pajakan Tulin 23 Mac 1898 (1885-1898)	209
4.4	Kesimpulan	214

**BAB 5: KEJATUHAN WILAYAH TULIN PENGIRAN ABDUL  
RAUF DI BORNEO UTARA**

5.1	Pengenalan	216
5.2	Proses Kejatuhan Tulin Pengiran Abdul Rauf	217
5.2.1	Perjanjian Perlindungan Kerajaan British Terhadap Brunei (1888)	221
5.2.2	Perjanjian Pajakan Tulin Pengiran Abdul Rauf (1891)	223
5.2.3	Perjanjian Pajakan Tulin Kinarut (1897)	231
5.2.4	Penentangan Paduka Mat Salleh dan Perang Pulau Gaya (1897)	233
5.2.5	Perjanjian Pajakan Hak Tulin Pengiran Abdul Rauf 23 Mac 1898	239
5.2.6	Perjanjian Antara Pengiran Anak Siti Katijah binti Pengiran Muda Mohamad Jamalul Alam dengan William Clarke Cowie 30 Mac 1898	246

5.2.7	Perjanjian Penyerahan Hak Kedaulatan Borneo Utara 30 Mac 1898	250
5.3	Wilayah Karambunai	253
5.4	Kesimpulan	262
<b>BAB 6:</b>	<b>PENUTUP</b>	263
	<b>RUJUKAN</b>	276
	<b>LAMPIRAN</b>	286



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Sultan Brunei Yang Memerintah Kerajaan Kesultanan Melayu Brunei Pada Abad Ke-19	73
Jadual 3.1 : Wilayah Tulin Pengiran Abdul Rauf Di Borneo Utara dan Abad Ke-19	123
Jadual 5.1 : Kronologi Kejatuhan Wilayah Tulin Pengiran Abdul Rauf di Borneo Utara	249



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Struktur Pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei Pada Abad Ke-19	69
Rajah 2.2 : Susun Lapis Masyarakat Kesultanan Melayu Brunei Pada Abad Ke-19	70
Rajah 2.3 : Struktur Pentadbiran Pemilik Jajahan Kesultanan Melayu Brunei Pada Ke-19	70
Rajah 2.4 : Struktur Pentadbiran Jajahan Kesultanan Melayu Brunei yang dipunyai oleh Sultan Brunei Pada Abad Ke-19	71
Rajah 2.5 (a) : Surat Wasiat 20 Rabiul Awal 1238H (Tulisan Rumi)	80
Rajah 2.5 (b) : Surat Wasiat 20 Rabiul Awal 1238H (Tulisan Jawi)	80
Rajah 2.6 : Dokumen Perjanjian Pajakan Tulin Pengiran Abdul Rauf 23 Mac 1898	82
Rajah 3.1 : Salasilah Pg. Abdul Rauf dan Kerabat Kerajaan Kesultanan Brunei Pada Abad Ke-19	101
Rajah 3.2 : Salasilah Pg. Abdul Rauf dalam Kalangan Sultan Brunei Pada Abad Ke-19	102
Rajah 3.3 : Salasilah Pengiran Abdul Rauf Ibnu Pengiran Abdul Rajit Ibnu Pengiran Pemanca Harimau	103
Rajah 3.4 : Salasilah Hubungan Kerabat Pengiran Abdul Rauf dengan Pengiran Temenggung Abdul Momin Amirul Faza di Mengkabong	104
Rajah 3.5 : Ilustrasi Zon Pengaruh Kerajaan Syarif Osman di Borneo Utara Pada Abad Ke-19	132
Rajah 5.1 : Kedudukan Kawasan Karambunai dalam Geran Tanah WCL No. 228	257
Rajah 5.2 : Kedudukan Kawasan karambunai Dalam Geran Tanah WCL No. 9117	258

## SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 3.1 : Makam Pengiran Pemanca Harimau Muhammad Daud Ibnu Pengiran Abdul Rahman Ibnu Pengiran Anak Badarudin Ibnu Almarhom Sultan Muhiyidin di Kawasan Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.	106
Foto 3.2 : Foto Bersama YM Pengiran Haji Sulaiman Ibnu Pengiran Haji Damit Sarigan Ibnu Pengiran Jumaat Ibnu Pengiran Pemanca Harimau Muhammad Daud di Kampung Rimba, Negara Brunei Darussalam.	107
Foto 3.3 : Makam dan Batu Nisan Pengiran Besar Abdullah Ibnu Pengiran Abdul Rauf di Tanah Perkuburan Kubah Karambunai, Kampung Karambunai, Kota Kinabalu, Sabah.	111
Foto 3.4 : Datuk Haji Sidek Bin Danta @ Pengiran Datuk Haji Sidek Ibnu Pengiran Danta @ Dewanta Ibnu Pengiran Besar Abdullah Ibnu Pengiran Abdul Rauf.	112
Foto 3.5 : Esplanad Sidek @ Esplanad Kudat, Sabah, Malaysia.	112
Foto 3.6 : Pengkaji Bersama Pengiran Tajuddin Ibnu Pengiran Idris Ibnu Pengiran Yakub Ibnu Pengiran Jalaludin Ibnu Pengiran Abdul Rauf	114
Foto 3.7 : Pengkaji Bersama YM Pengiran Haji Abdul Rahim Ibnu Pengiran Haji Salleh, Piut Pengiran Abdul Rauf di Papar, Sabah, Malaysia.	116
Foto 3.8 : Gambar Pengkaji Bersama Pengiran Haji Abdul Hamid Bin Pengiran Haji Abdul Rahim, dan Pengiran Haji Abdul Aziz Bin Pengiran Haji Abdul Rahim di Kampung Takis, Papar, Sabah	117
Foto 4.1 : Makam Pengiran Anak Untong Ibnu Almarhum Sultan Hussin Kamaludin di Kampung Dumpil, Putatan, Sabah, Malaysia.	168
Foto 4.2 : Makam Pengiran Temenggung Abdul Momin Amirul Faza Ibnu Pengiran Bendahara Anak Untong Ibnu Sultan Jalilul Jabbar di Pulau Senorub, Kg Mengkabong, Tuaran, Sabah.	198

## SENARAI PETA


	Halaman
Peta 2.1 : Empayar Kesultanan Melayu Brunei Zaman Pemerintahan Sultan Bolkiah (T.M.1485-1524)	41
Peta 2.2 : Empayar Kesultanan Melayu Brunei Pada Abad Ke-19	47
Peta 2.3 : Wilayah Kedaulatan Kesultanan Melayu Brunei yang dipajakkan oleh Sultan Brunei kepada Claude Lee Moses Tahun 1865	48
Peta 2.4 : Wilayah Kekuasaan Kesultanan Melayu Brunei dan Wilayah Tulin Pengiran Abdul Rauf di Borneo Utara Pada Abad Ke-19	78
Peta 5.1 : Lokasi Karambunai dan Mengkabong Terkini	261



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

<b>SBUB</b>	British North Borneo (Chartered) Company.
<b>PPH</b>	Pengiran Pemanca Harimau
<b>YM</b>	Yang Mulia
<b>Pg</b>	Pengiran
<b>W.B.T</b>	Waramatullahiwabarakatuh
<b>S.W.T</b>	Subahanna Wa Taala
<b>MIB</b>	Melayu Islam Beraja
<b>WCL</b>	<i>West Coast Lease</i>
<b>CL</b>	<i>Coast Lease</i>
<b>OKK</b>	Orang Kaya Kaya




UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Senarai Pemilikan Wilayah Jajahan Kesultanan Melayu Brunei dan Status Wilayah Jajahan di Borneo Utara Abad Ke-19.	287
Lampiran B : Salasilah Keturunan Pengiran Pemanca Harimau (PPH) di Negara Brunei Darussalam	294
Lampiran C : Perjanjian Persahabatan dan Perdagangan antara British-Brunei Pada 27 Mei 1847	295
Lampiran D : Perjanjian Perlindungan Kerajaan British Terhadap Brunei Pada 17 September 1888.	298
Lampiran E : Gambar Bersama Encik Jeffri Bin Mohd Asi @ YM Syarif Jeffri Bin Syarif Mohd Asi, Kampung Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah.	300
Lampiran F : Gambar Bersama Encik Sahar Bin Haji Piasin @ YM Pengiran Sahar Bin Pengiran Haji Piasin, Kampung Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah	301
Lampiran G : Gambar Bersama Proffesor Madya Dr Haji Awang Asbol Bin Haji Mail, Universiti Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.	302
Lampiran H : Gambar Bersama YM Pengiran Hajjah Mahani Binti Pengiran Haji Othman, Pegawai Sejarah, Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.	303
Lampiran I : Gambar Bersama YM Pengiran Dr Haji Yakub Bin Pengiran Haji Othman dan isteri, Penulis Buku Purih PPH, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam	304
Lampiran J : Gambar Bersama YM Pengiran Haji Muhammad Bin Pengiran dan YM Pengiran Haji Sulaiman Bin Pengiran, Kerabat Diraja Keturunan Pengiran Syahbandar Mohd Salleh Ibnu Pengiran Syarmayuda (Pengarang Syair Rakis) dan YM Pengiran Hajjah Fatimah Binti Pengiran Haji Mohd Noor, Bandar Seri Begawan Brunei, Negara Brunei Darussalam.	305
Lampiran K : Gambar YM Pengiran S. Osman Bin Pengiran S. Karim, Kg. Rampayan, Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah.	306
Lampiran L : Gambar Bersama Mantan Imam Kampung Karambunai, Tuan Haji Matlee Bin Dimin, Kampung Karambunai, Kota Kinabalu, Sabah	307

Lampiran M	: Gambar Bersama Mantan Imam Karambunai, Tuan Haji Matlee Bin Dimin Dan Tuan Haji Risin Bin Haji Dasin, Ketua Kampung Batangan, Gayang, Tuaran, Sabah.	308
Lampiran N	: Gambar Lokasi Batu Luit Kawasan Kapal Karam Kerabat Diraja Brunei Di Sungai Karambunai, Kota Kinabalu, Sabah.	309
Lampiran O	: Gambar Lokasi Mempagung, Karambunai Sebagai Tapak Petempatan Awal Kerabat Diraja Brunei Di Sungai Karambunai, Kota Kinabalu, Sabah.	310
Lampiran P	: Kawasan Perkuburan Makam Kubah Kampung Karambunai, Kota Kinabalu, Sabah	311
Lampiran Q	: Gambar Pengkaji Bersama Orang Tua Dawi Bin Haji Utoh, Kampung Mengkabong, Tuaran, Sabah.	312
Lampiran R	: Gambar Bersama Pengiran Jaleh Bin Pengiran Danta, Kampung Ayer, Kudat, Sabah.	313
Lampiran S	: Gambar Bersama Mantan Timbalan Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Tuan Haji Abdul Karim Bin Haji Abdul Rahman, Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.	314
Lampiran T	: Perjanjian Pajakan Dan Penyerahan Konsesi Borneo Utara 29 Disember 1877	315
Lampiran U	: Amanat Sultan Momin 1885	316



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Negeri Sabah merupakan sebahagian kerajaan tradisional Kesultanan Melayu Brunei sejak abad ke-14 sehingga abad ke-19. Kedatangan kuasa Barat ke rantau Borneo pada abad ke-19 menyebabkan wilayah Kesultanan Melayu Brunei tergugat dan beransur-ansur jatuh ke tangan kuasa Barat, terutamanya British. Pergolakan dalaman pemerintahan kerajaan Kesultanan Melayu Brunei dengan campurtangan kuasa British pada abad ke-19 telah mempercepatkan proses kejatuhan pemerintahan kerajaan tersebut dan Brunei telah kehilangan sebahagian wilayahnya. Akhirnya, Negeri Sabah atau Borneo Utara<sup>1</sup> telah dikuasai oleh British melalui Perjanjian Pajakan Konsesi Borneo Utara pada tahun 1877. Pada tahun 1881, Syarikat British Borneo Utara (SBUB)<sup>2</sup> telah mentadbir Borneo Utara sehingga tahun 1941.

Bermula pada tahun 1881, SBUB telah menggunakan pelbagai pendekatan, sama ada secara diplomasi ataupun kekerasan untuk meletakkan seluruh wilayah Borneo Utara ke dalam kekuasaan dan pentadbirannya. SBUB telah menghadapi tentangan dalam kalangan pembesar dan kerabat diraja Brunei yang mempunyai

---

<sup>1</sup> Negeri Sabah dikenali dengan nama "Borneo Utara" (*North Borneo*) sebelum ditukarkan kepada "Sabah" pada tahun 1963. Kajian ini akan mengekalkan nama "Borneo Utara" bagi maksud Negeri Sabah pada abad ke-19 hingga kini.

<sup>2</sup> Dalam kajian ini akan menggunakan singkatan SBUB bagi merujuk kepada syarikat British North Borneo (Chartered) Company.

hak milik tanah Tulin<sup>3</sup> di Borneo Utara. Namun akhirnya, seluruh Sungai Tulin di wilayah Borneo Utara dapat dikuasai sepenuhnya oleh SBUB.

Sebenarnya, di pantai barat Borneo Utara terdapat beberapa wilayah Brunei terkecuali daripada Perjanjian Pajak Penyerahan Konsesi Borneo Utara 1877. Antaranya ialah Putatan, Padas Damit, Mengkabong, Tambalang, Api-Api, Sembulan, Napas (Tanjung Aru), Inanam, Menggatal, Kinarut dan Pengalat Besar. Perjanjian Pajak Konsesi Borneo Utara 1877 telah dibantah terutamanya oleh pemilik Tulin. Tambahan pula, telah timbul konflik dalam kalangan pemilik Tulin apabila berlakunya pajakan konsesi oleh individu lain kepada kerajaan SBUB tanpa pengetahuan pemilik sebenar. Salah seorangnya ialah Pengiran Abdul Rauf.<sup>4</sup> Beliau memiliki kawasan Sungai Tulin yang amat luas di pantai barat Borneo Utara. Beliau menetap di Mengkabong dan Mengkabong merupakan pusat pentadbiran Tulinnya.

Oleh itu, kajian ini akan menjelaskan tentang sejarah pemerintahan, pemilikan dan pentadbiran wilayah Brunei di Borneo Utara iaitu sebelum dan semasa pemerintahan kerajaan SBUB di Borneo Utara, khususnya dengan menfokus kepada wilayah Tulin kepunyaan Pengiran Abdul Rauf. Sebelum menghuraikan dengan lebih lanjut tentang perkara tersebut, beberapa aspek asas berkaitan dengan hala tuju kajian ini perlu dibincangkan terlebih dahulu, iaitu permasalahan kajian, objektif kajian, sorotan literatur, kepentingan kajian, skop kajian, kaedah kajian dan pembahagian bab.

---

<sup>3</sup> Tulin, Sungai Tulin dan wilayah Tulin merujuk kepada nama yang sama. Walau bagaimanapun, kependekkan Tulin akan digunakan dalam kajian ini bagi merujuk kepada Sungai Tulin atau wilayah Tulin. Namun begitu, ketiga-tiganya juga akan digunakan silih berganti mengikut konteks.

<sup>4</sup> Pengiran Abdul Rauf, Pengiran Abd Raop, Pengiran Abdul Raup dan Pengiran Abdul Rauf Pengiran Abdul Rajit adalah merujuk kepada individu yang sama dalam konteks kajian ini. Penggunaan nama Pengiran Abdul Rauf lebih banyak digunakan dalam kajian ini merujuk kepada penggunaan nama beliau dalam Salasilah Pengiran Abdul Rauf di Pusat Sejarah Brunei, dokumen Perjanjian Pajak bertarikh 23 Mac 1898 dan Surat Wasiat pemberian Tulin kepada Pengiran Abdul Rauf bertarikh 18 Rabiul Awal 1238H; lihat juga, *Grant of Menggatal, Mengkabong, Api-Api, Simbulan, Napas dan Tambalang, 23 Mac 1898*. C.O. 874/54

## 1.2 Permasalahan Kajian

Semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Brunei pada abad ke-19, sebahagian besar kawasan pantai barat Borneo Utara adalah wilayah jajahan Brunei sama ada kepunyaan Sultan, pembesar Brunei dan kerabat diraja Brunei. Apabila berlaku Perjanjian Pajakan Konsesi Borneo Utara 1877-1878, terdapat beberapa wilayah Brunei yang terkecuali daripada pajakan berkenaan. Pengecualian pajakan ini menyebabkan wilayah berkenaan mempunyai corak pemerintahan dan pentadbiran yang berbeza dengan wilayah Brunei yang telah dipajakkan kepada British. Walau bagaimanapun, corak pemerintahan dan pentadbiran yang berbeza dengan kerajaan SBUB di Borneo Utara selepas perjanjian pajakan Borneo Utara ini kurang diketengahkan dalam konteks penulisan sejarah sedangkan ianya relevan dengan pengkajian sejarah awal Borneo Utara sebelum diperintah oleh SBUB.

Oleh yang demikian, peristiwa ini menyebabkan timbul permasalahan iaitu isu wilayah Tulin yang terkecuali daripada Perjanjian Pajakan Konsesi Borneo Utara 1877-1878. Wilayah Brunei ini bebas daripada pentadbiran kerajaan SBUB dan corak pentadbirannya berbeza dengan kerajaan SBUB. Kewujudan wilayah Tulin di pantai barat Borneo Utara sebelum abad ke-19 hanyalah disebutkan secara sepintas lalu dalam penulisan dalaman mahupun luar negara yang lepas. Konsep pemilikan dan corak pentadbiran wilayah Tulin Brunei di Borneo Utara masih belum pernah dikaji secara komprehensif. Hal ini disebabkan masalah kesukaran untuk mendapat maklumat dan kekurangan sumber rujukan selain masalah sumber yang telah dirahsiakan selama ini oleh individu tertentu dengan kepentingan peribadi.<sup>5</sup> Hal ini menyebabkan pemahaman dan keberadaan maklumat tentang sejarah Sungai Tulin di Borneo Utara adalah amat kurang dan mengelirukan. Kekeliruan tentang konsep pemilikan dan corak pentadbiran wilayah Tulin di Borneo Utara, semasa dan selepas berlakunya Perjanjian Pajakan Konsesi Borneo Utara 1877 menimbulkan beberapa persoalan seperti apakah status wilayah Brunei yang terkecuali tersebut, lokasi wilayahnya, pemilik wilayahnya dan punca wilayah berkenaan terkecuali? Seterusnya, adakah konsep pemerintahan, corak pentadbiran

---

<sup>5</sup> Kepentingan peribadi bermaksud keselamatan diri dan kerahsiaan peribadi. Sumber bersifat terlalu peribadi kepada pemiliknya. Pengkaji menghadapi kesukaran mendapatkan sumber dan perlu mematuhi syarat oleh pemilik sumber.

dan konsep pemilikan wilayah Brunei yang terkecuali itu sama menurut konsep pemerintahan tradisi Kesultanan Melayu Brunei ataupun sebaliknya?

Isu permasalahan kedua ialah tentang latar belakang pemilik wilayah Brunei yang terkecuali daripada perjanjian pajakan dan corak pentadbiran yang digunakan oleh pemilik wilayah mentadbir kawasan berkenaan. Kekeliruan tentang status pemilikan wilayah Brunei telah menimbulkan konflik dalam kalangan pembesar dan kerabat diraja Brunei kerana berlaku pajakan wilayah Tulin kepada SBUB tanpa pengetahuan pemiliknya. Isu status pemilikan wilayah Brunei dengan menfokus kepada Sungai Tulin adalah isu politik di Borneo Utara ketika itu. Perjanjian Pajakan Konsesi Borneo Utara 1877 oleh Sultan Brunei hanya menyerahkan hak kuasa Sungai Kerajaan dan Sungai Kuripan kepada kuasa British sedangkan hak kuasa wilayah Tulin merupakan hak mutlak pemiliknya. Konsep pemerintahan dan corak pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei yang diamalkan di wilayah Tulin di Borneo Utara dapat diterangkan melalui sejarah wilayah Tulin Pengiran Abdul Rauf. Persoalannya, siapakah Pengiran Abdul Rauf dan bagaimanakah latar belakang beliau sehingga mempunyai Sungai Tulin yang luas di pantai barat Borneo Utara? Bagaimanakah beliau memperolehi Tulin tersebut? Sebagai pemilik Tulin,<sup>6</sup> bagaimanakah kedudukan Pengiran Abdul Rauf dalam struktur pentadbirannya dan apakah konsep pemerintahan dan corak pentadbirannya wilayah Tulin beliau? Selain itu, bagaimanakah beliau mentadbir rakyat Tulinnya dan apakah latar belakang rakyat Tulin tersebut? Adakah Pengiran Abdul Rauf menghadapi masalah atau cabaran mentadbir Tulinnya yang dikelilingi oleh wilayah yang diperintah kerajaan SBUB?

Perubahan pemilikan dan pentadbiran Tulin, pajakan dan kejatuhan Tulin Pengiran Abdul Rauf kepada SBUB serta kewujudan wilayah Tulin Karambunai merupakan isu permasalahan seterusnya dalam kajian ini. Pengiran Abdul Rauf telah mangkat pada tahun 1885 dan berlaku perubahan pemilikan dan pentadbiran Tulin Pengiran Abdul Rauf. Persoalannya, mengapakah berlaku perubahan pemilikan dan pentadbiran Tulin Pengiran Abdul Rauf? Siapakah pengganti Pengiran

---

<sup>6</sup> Pengiran Abdul Rauf dinyatakan sebagai pemilik Tulin kerana merujuk kepada Surat Wasiat Pemberian pusaka Tulin bertarikh 20 Rabiul awal 1238H dan dokumen Perjanjian Pajakan Tulin bertarikh 23 Mac 1898 oleh Pengiran Jalaludin.

Abdul Rauf selepas kemangkatan beliau pada tahun 1885? Siapakah yang memajakkan Tulin Pengiran Abdul Rauf kepada SBUB dan mengapakah Tulin beliau dipajakkan? Bagaimanakah proses pemajakan dan kejatuhan Tulin Pengiran Abdul Rauf kepada SBUB? Mengapakah wilayah Karambunai dikecualikan daripada pajakan Tulin Pengiran Abdul Rauf pada 23 Mac 1898?

Hakikatnya, setiap wilayah Tulin di Borneo Utara mempunyai sejarah pemajakan dan penyerahan yang tersendiri. Ada wilayah Tulin yang telah dipajakkan kepada SBUB secara kekerasan dan ada yang melalui perjanjian. Perubahan pemilikan dan pentadbiran adalah antara faktor penting yang menyebabkan berlakunya pajakan Tulin kepada kerajaan SBUB. Di samping itu, perbalahan dalam kalangan pembesar atau sesama pemilik wilayah Tulin di Borneo Utara telah menyebabkan langkah penyelesaian dilakukan melalui pajakan konsesi kepada kerajaan SBUB. Tulin Pengiran Abdul Rauf telah dipajakkan kepada kerajaan SBUB secara beransur-ansur. Kejudahan wilayah Tulin Karambunai selepas perjanjian pajakan 23 Mac 1898 telah menjadi kontroversi apabila berlaku tuntutan para waris ke atasnya.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti konsep pemerintahan, konsep pemilikan wilayah jajahan Brunei dan corak pentadbiran tradisional wilayah Brunei yang terkecuali daripada Perjanjian Pajakan Konsesi Borneo Utara 1877-1878. Oleh itu, konsep pemerintahan Melayu Islam Beraja (MIB) dan konsep pemilikan wilayah Brunei seperti Sungai Kerajaan, Sungai Kuripan dan Sungai Tulin dibincangkan bagi membantu menjelaskan permasalahan utama dalam kajian ini. Objektif kajian ini juga menjelaskan tentang struktur politik dan jentera pentadbiran tradisional kerajaan Kesultanan Melayu Brunei, khususnya mengenai susunan dan pelaksanaan kuasa daripada peringkat pusat pemerintahan di Brunei ke peringkat wilayah jajahan Brunei. Kajian ini menerangkan bahawa pemerintahan dan struktur pentadbiran wilayah Brunei di seluruh jajahannya berasaskan konsep Sungai Kerajaan, Sungai Kuripan dan Sungai Tulin. Pengkaji juga membincangkan punca pengecualian dan wilayah Brunei yang terkecuali daripada pajakan serta

pemilikannya. Faktor campur tangan kuasa Barat dalam politik pemerintahan Kesultanan Brunei mempengaruhi pentadbiran dan pemilikan wilayah Brunei di seluruh jajahannya, khususnya di Borneo Utara.

Objektif kedua kajian adalah untuk mengkaji latar belakang pemilik wilayah Brunei di Borneo Utara, khususnya Pengiran Abdul Rauf. Koleksi salasilah Pengiran Abdul Rauf di Pusat Sejarah Brunei dan yang dimiliki oleh para waris Pengiran Abdul Rauf di Borneo Utara mahupun di Negara Brunei dapat menerangkan kedudukan Pengiran Abdul Rauf sebagai kerabat diraja Brunei. Berpandukan koleksi salasilah tersebut, ianya dapat menerangkan latar belakang Pengiran Abdul Rauf seperti hubungan persaudaraan beliau dengan pembesar Brunei dan punca beliau mempunyai kawasan Tulin yang luas di Borneo Utara. Selain itu, kajian ini menjelaskan tentang corak pemerintahan dan pentadbiran serta latar belakang sosioekonomi penduduk di Sungai Tulin Pengiran Abdul Rauf. Hubungan politik, ekonomi dan sosial Pengiran Abdul Rauf dengan kerajaan pusat Brunei, hubungan diplomatik dengan kuasa Barat dan dengan masyarakat tempatan di Borneo Utara turut dibincangkan. Latar belakang kepelbagaian kaum penduduk Tulin juga dijelaskan kerana mereka adalah rakyat Tulin Pengiran Abdul Rauf dan bersama dengan Pengiran Abdul Rauf menentang dasar peluasan kuasa barat di Borneo Utara.

Objektif ketiga adalah untuk mengkaji perkembangan pentadbiran wilayah Tulin kepunyaan Pengiran Abdul Rauf. Pengkaji akan menjelaskan tentang perubahan pemilikan, perubahan pentadbiran dan corak pentadbiran Sungai Tulin Pengiran Abdul Rauf di Borneo Utara. Peristiwa kemangkatan Pengiran Abdul Rauf, kemangkatan Pengiran Besar Abdullah dan perubahan pentadbiran Sungai Tulin Pengiran Abdul Rauf diterangkan oleh pengkaji kerana ianya berkait rapat dengan perubahan pemilikan dan pajakan Sungai Tulin Pengiran Abdul Rauf kepada SBUB. Proses pemajakan Sungai Tulin Pengiran Abdul Rauf oleh Pengiran Jalaludin dibincangkan dalam kajian ini kerana ianya dapat menjelaskan kewujudan wilayah Karambunai yang kontroversial.